



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### **MITI LANCAR SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2020 DAN KEMPEN KESEDARAN COVID-19**

---

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali telah melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan tahun 2020 dan Kempen Kesedaran COVID-19 peringkat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) hari ini, di Menara MITI, Kuala Lumpur.

Pelancaran inisiatif-inisiatif ini adalah bagi menyokong aspirasi "Malaysia Prihatin" yang juga tema Hari Kebangsaan bagi tahun ini, selain memupuk kesedaran tentang kepentingan melindungi komuniti dan memampankan ekonomi yang terkesan akibat wabak COVID-19 di bawah payung perpaduan.

Sambutan Bulan Kebangsaan oleh MITI akan melibatkan acara seperti aktiviti penyerahan Jalur Gemilang, penceriaan bangunan bertemakan konsep kemerdekaan di Menara MITI, pameran seni, kempen membaca dan beberapa aktiviti lain di peringkat dalaman MITI.

Manakala, melalui Kempen Kesedaran COVID-19 yang turut diterajui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) ini pula, MITI akan secara berterusan - bermula Ogos sehingga Disember tahun ini - melancarkan beberapa siri mesej Pesanan Khidmat Masyarakat berkenaan pematuhan Prosidur Operasi Standard (SOP) di platform-platform media arus perdana dan media sosial. Usaha ini adalah seiring dengan penekanan yang diberikan MITI di bawah kepimpinan Dato' Seri Azmin dalam memastikan keseimbangan pemeliharaan kesejahteraan kesihatan dan kemampunan ekonomi negara.

Justeru, MITI sedang dan akan terus menjalankan beberapa sesi libat urus bersama industri di seluruh Malaysia bagi membincangkan bersama persatuan serta dewan perniagaan cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh mereka akibat pandemik COVID-19. Usaha ini penting bagi membolehkan MITI merencanakan bantuan yang



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

boleh diberikan dalam memudah cara perniagaan-perniagaan di Malaysia. Setakat ini, MITI sudah pun menjalankan lebih 60 sesi libat urus bersama industri.

Melalui program-program sesi libat urus ini, MITI juga akan berkongsi informasi tentang fasilitasi-fasilitasi daripada MITI dan 13 agensinya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Peringkat Pertengahan (Mid-Tier). Fasilitasi-fasilitasi ini adalah merangkumi aspek seperti Industri 4.0, automasi, insentif cukai melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PENJANA, e-dagang dan akses pasaran.

Menurut Dato' Seri Azmin, usaha MITI sebagai #BarisanHadapanEkonomi negara diharap dapat membantu menyegerakan pemulihan operasi perniagaan perusahaan-perusahaan Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

“Keputusan Kerajaan untuk membenarkan pembukaan kesemua sektor ekonomi secara perperingkat telah memberi impak yang positif ke atas pertumbuhan ekonomi dan kedudukan kewangan negara. Jumlah dagangan Malaysia pada bulan Jun 2020 telah naik 2.2 peratus untuk mencecah RM144.84 billion susulan penghapusan sekatan pergerakan secara beransur ini,” kata Dato' Seri Azmin.

“Usaha-usaha Kerajaan juga telah berjaya membentuk satu ekosistem yang kondusif bagi PKS di Malaysia sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Bantuan-bantuan yang diberikan seperti subsidi upah dan pelanjutan tempoh moratorium telah mengurangkan impak ekonomi kepada perusahaan tempatan. Kita sudah mula melihat kesan positif daripada program-program PENJANA apabila kadar pengangguran negara menurun daripada 5.3 peratus kepada 4.9 peratus selepas pembukaan semula hampir kesemua sektor ekonomi pada awal bulan Mei,” tambah beliau.

Selain itu, melalui Kempen Kesedaran COVID-19 ini juga MITI menyeru semua syarikat-syarikat di Malaysia untuk bersetuju dengan Akujanji Pematuhan SOP di sistem pengkalan data MITI – CIMS 3.0 – selain mengisytiharkan maklumat syarikat mereka dengan berdaftar di sistem tersebut. Setakat ini sebanyak 257,357 syarikat daripada 21 sektor telah pun membuat pendaftaran. Pendaftaran di CIMS 3.0 boleh dilakukan di [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my).



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## **Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)**

**24 Ogos 2020**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

E-mail [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)